

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : KOMENTAR

Giatkan usaha promosi kesedaran kanser

Oleh Jami'ah Sokri
bhnews@bh.com.my



Pengarang
Berita BH

Kanser antara penyakit paling digeruni kerana berisiko menjadi penyebab kedua kematian di seluruh dunia. Penyakit ini terus membayangi masyarakat kerana ia meragut hampir 10 juta nyawa atau hampir satu daripada enam orang setiap tahun di seluruh dunia.

Malah, bahana korban itu lebih terkesan dalam kalangan penduduk berpendapatan rendah dan sederhana dengan menyumbang tujuh daripada setiap 10 kematian berkaitan kanser.

kanser.

Di Malaysia, penyakit ini juga antara punca kematian terbesar dengan lebih 48,000 kes kanser baharu dilaporkan setiap tahun. Jumlah itu dijangka meningkat dua kali ganda menjelang 2040 dengan nisbah satu daripada 10 lelaki dan satu daripada sembilan wanita didiagnosis kanser.

Justeru, rakyat harus mengambil berat ancaman kanser dalam kehidupan mereka. Apa yang penting, orang ramai perlu menjaga kesihatan diri sebagai ikhtiar mengelak menderitanya antara 10 jenis kanser tertinggi di Malaysia.

Kanser "populer" dideritai rakyat negara ini adalah kanser payudara, kolorektal, paru-paru, limfoma, nasopharynx, leukemia, kelenjar prostat, hati, pangkal rahim dan ovari. Apabila kesakitan itu membentuk tumor, iaitu ketulan meliputi sel kanser, maka ia boleh merebak ke bahagian tubuh lain dan menjangkiti organ lain atau metastasis. Dalam kebanyakan kes, kanser menyerang secara perlahan dan senyap, selain ada juga menyerang secara agresif.

Lantas, Hari Kanser Sedunia disambut 4 Februari setiap tahun jangan dibiarkan berlalu begitu sahaja bagi memastikan strategi mengekang penyakit itu da-


pat ditangani secara tuntas.

Dengan kesinambungan itu, tema tahun ini, iaitu 'Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser' dianggap relevan dalam usaha pembasmian penyakit berkenaan, selain memajukan penyelidikan perubatan dalam bidang berkaitan.

Didik masyarakat

Meskipun Februari adalah bulan paling penting dalam kalendar penjagaan kesihatan dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap pencegahan, pengesanan dan rawatan berkaitan kanser, ia tidak harus 'mati' setakat di situ sahaja.

Mempromosikan kesedaran kanser dan mendidik orang ramai mengenai penyakit adalah suatu yang perlu diaktifkan bagi mengelak jutaan insan maut disebabkan penyakit ini. Inisiatif dilaksanakan Kesatuan Untuk Kawalan Kanser Antarabangsa (UICC) ber-



kempen dan menyokong sasaran Deklarasi Kanser Dunia, sudah dicatatkan sejak 2008 lagi.

Bertitik tolak daripada pengisytiharan itu, beratus-ratus acara dan pengumpulan dana diadakan di segenap dunia setiap tahun. Pelbagai forum, meja bulat dan seminar membincangkan isu berkaitan, selain hospital, pusat perubatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga menyediakan program berkempen bagi menyampaikan peringatan mengenai ancaman kanser.

Orang ramai juga perlu tahu dan sedar kanser mempunyai banyak jenis dan ada pelbagai warna serta simbol digunakan bagi menandakan jenis kanser tertentu untuk menggalakkan perjuangan menentanginya.

Sebagai contoh, riben oren untuk mewujudkan kesedaran mengenai kanser pada kanak-kanak, manakala riben merah jambu secara global dikaitkan dengan kesedaran kanser payudara.

Isu paling utama adalah mencegah 'penyakit pembunuh senyap' ini daripada bertandang ke dalam tubuh kita. Maka, setiap individu iaitu mengamalkan gaya hidup sihat meliputi menjaga pemakanan, lakukan aktiviti fizikal dengan bersenam, beriadah, kurangkan stres dan pelbagai lagi.

Banyak gejala penyakit yang datang dapat ditepis dengan pencegahan awal, iaitu membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala. Hakikatnya, lebih 40 peratus daripada kematian ini di seluruh dunia boleh dicegah menerusi perubahan gaya hidup, pemeriksaan biasa dan pengesanan dan rawatan awal.

Tindakan segera perlu diambil untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit ini, selain perlu membangunkan strategi praktikal untuk menangani beban kanser. Dengan jurang global dalam akses kepada pencegahan, rawatan dan penjagaan paliatif berkembang dengan pesat, amat diharapkan ia mampu memberi harapan kepada pesakit untuk sembuh sepenuhnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Kes pesakit mengamuk

KKM mohon maaf, akui salah faham

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengakui berlaku sedikit salah faham yang menyebabkan seorang pesakit 'mengamuk' apabila perlu menunggu lama untuk bertemu doktor di Pusat Jantung Hospital Serdang, kelmarin.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pihaknya mengambil maklum mengenai kejadian itu yang turut tular menerusi media sosial, selain membuat permohonan maaf.

Beliau berkata, kehadiran pesakit yang ramai juga menyebabkan waktu menunggu yang panjang.

"Saya difahamkan ada salah faham, kakitangan iaitu Penolong Pegawai Perubatan sedang menggunakan telefon untuk menguruskan temu janji pesakit.

"Kehadiran kes yang ramai me-

nyebabkan waktu menunggu yang panjang. Kes yang terbabit (tular kelmarin) juga adalah ulangan janji temu.

"Pemeriksaan untuk pesakit jantung yang harus dilakukan dengan lebih teliti juga mengambil masa rawatan yang lebih panjang bagi setiap seorang pesakit," katanya kepada BH semalam.

Dr Zaliha berkata, KKM memohon maaf terhadap kejadian yang berlaku dan pengurusan hospital sedang meneliti perkara itu untuk melaksanakan penambahbaikan.

"Saya juga berharap agar

orang ramai juga ada rasa empati terhadap petugas kesihatan yang bekerja keras tanpa henti untuk membantu dan memberi yang terbaik," katanya.

Kelmarin, tular satu video di Pusat Jantung Hospital Serdang yang baru beberapa bulan beroperasi apabila seorang pesakit tidak berpuas hati apabila mendakwa menunggu berjam-jam untuk mendapatkan rawatan.

Dalam rakaman berkenaan, pesakit lelaki berkenaan kelihatan menjerit dan memarahi petugas kesihatan ketika berada di ruang menunggu Klinik Kardiologi hos-

pital terbabit.

Difahamkan, Pusat Jantung Hospital Serdang mula beroperasi pada 12 Disember tahun lalu dengan objektif utamanya mengurangkan separuh masa menunggu bagi rawatan jantung di hospital berkenaan.

Pusat jantung yang dilengkapi peralatan terkini itu akan mengurangkan separuh masa menunggu rawatan angiogram dari 18 bulan kepada sembilan bulan untuk kes elektif yang stabil, manakala kes kecemasan tetap diberikan rawatan serta-merta.

Pusat jantung membabitkan kos RM546 juta itu dibina dengan satu blok kardiologi lapan tingkat yang mampu menempatkan 262 katil, serta satu blok tempat letak kereta sembilan tingkat yang memiliki 536 petak parkir.



Dr Zaliha Mustafa

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NEGARA

Mutu perkhidmatan Hospital Machang mengecewakan

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin meluahkan kekecewaan terhadap mutu perkhidmatan kakitangan Hospital Machang, Kelantan yang kurang memuaskan dalam merawat kes kecemasan.

Baru-baru ini saya pulang ke kampung dan isteri mengalami keracunan makanan sehingga muntah-muntah dan dibawa ke hospital memandangkan klinik swasta tidak beroperasi seawal pukul 7 pagi.

Saya bawa isteri ke Unit Kecemasan Hospital Machang, namun menurut pengawal, perlu menunggu unit pesakit luar dibuka kerana katanya, ia bukan kes kecemasan.

Kami pun akur walaupun ketika itu isteri saya masih mengalami muntah-muntah dan terpaksa ke tandas beberapa kali sebelum unit pesakit luar dibuka kepada orang ramai.

Selepas dibuka pukul 8 pagi, kami antara orang terawal mendaftar terpaksa menunggu hampir sejam sebelum dirujuk



BANGUNAN Hospital Machang.

kepada pegawai perubatan.

Apa yang mendukacitakan, ketika tempoh hampir dua jam menunggu, rata-rata kakitangan hospital itu seolah-olah tidak serius untuk merawat pesakit.

Ada yang masih bersiap, baru sampai dan masuk, ada yang masih berborak bersama rakan sekerja walaupun sudah ada pesakit yang menunggu untuk

mendapatkan rawatan.

Hampir empat jam masa kami terbuang gara-gara sikap acuh tak acuh kakitangan Hospital Machang yang kerja sambil lewa sedangkan kes seperti itu jika dirujuk klinik swasta kurang dari sejam.

PAPAZOLA KECEWA,
Kota Damansara, Kuala Lumpur

